

12 JAN 2001

Abdullah-Lembaga

MT UMNO SAHKAN PELANTIKAN TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini mengesahkan pelantikan pemimpin veteran Umno Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen sebagai Pengerusi Lembaga Disiplin Umno yang baru ditubuhkan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden Umno berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat MT yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno di ibu pejabat Umno di sini hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat selama tiga jam itu, Abdullah berkata lembaga berkenaan akan juga mempunyai beberapa anggota yang lain tetapi nama mereka hanya akan diumumkan selepas mereka dimaklumkan.

"Kita perlu memastikan mereka yang dilantik itu akan menerima jawatan dalam lembaga tersebut," kata beliau.

Pada 3 Jan lepas, Abdullah berkata Tengku Rithauddeen, seorang bekas Menteri Luar bersama dengan nama mereka yang dicadangkan menganggotai lembaga berkenaan akan dikemukakan kepada MT untuk diputuskan.

Lembaga Disiplin diwujudkan mengikut pindaan Perlembagaan Umno yang diluluskan tahun lepas.

Tengku Rithauddeen, 64, yang berasal dari Kelantan, menjadi anggota Parlimen kawasan Kota baharu dari 1969-1990 dan seorang Naib Presiden Umno (1981-1987). Beliau juga telah memegang beberapa portfolio sebagai anggota Kabinet dari 1973 hingga 1990.

Abdullah juga memaklumkan bahawa mesyuarat tahunan cawangan Umno akan diadakan bermula Mac ini.

Katanya, semua cawangan perlu membayar yuran mereka sebelum akhir bulan ini.

-- BERNAMA

SR ES NMO